

NO SOALAN :53**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.07.2017

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) keluasan dan harga pembelian tanah Tun Razak Exchange (TRX) oleh syarikat Aroma Teraju daripada 1MDB ; dan
- (b) sebab dan tujuan Aroma Teraju membeli tanah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Setiap Perjanjian Jual Beli adalah tertakluk kepada klausa sulit (*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli/ penjual. Beberapa transaksi penjualan tanah juga

mempunyai terma-terma utama yang berbeza (*key terms*, dengan izin) untuk mencerminkan perbezaan bagi setiap jualan (*nature of each sale*, dengan izin). Namun demikian, terma-terma utama yang diguna pakai secara amnya konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

Tuan Yang Dipertua,

Nilai tanah di Tun Razak Exchange ("TRX") dijangka akan meningkat dengan adanya jenama-jenama besar antarabangsa dan juga setelah selesai pembinaan infrastruktur kelak. Di samping itu, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mewujudkan satu ekosistem daerah kewangan yang global dan kondusif di TRX, adalah penting untuk memastikan bahawa institusi tempatan ("GLC/GLIC"), Jabatan Kerajaan, badan kawal selia dan/atau pihak berkuasa yang berkaitan, mendapat peluang untuk bertapak di TRX.

Justeru itu, syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) ("MKD") telah mengambil keputusan untuk melabur di TRX, selaras dengan objektif penubuhan MKD. Ini akan membolehkan syarikat MKD, institusi tempatan ("GLC/GLIC"), Jabatan Kerajaan, badan kawal selia dan/atau pihak berkuasa turut sama meraih manfaat daerah

kewangan global pertama Malaysia.

SOALAN (54)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 9 OGOS 2017
[RABU]
DARIPADA YB DR TAN SENG GIAW
: [KEPONG]

SOALAN :

YB DR. TAN SENG GIAW [KEPONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat yang dilantik untuk projek sisa kepada tenaga di Kepong dan langkah yang diambil untuk memastikan projek ini berjaya dan diterima rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek loji rawatan sisa pepejal daripada sisa kepada tenaga (*Waste-to-Energy - WTE*) di Kepong, Kuala Lumpur adalah salah satu projek yang dikenal pasti untuk dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menangani isu pelupusan sisa pepejal. Pihak Kerajaan telah melaksanakan proses *request for proposal* (RFP) sebelum ini dan menjemput pihak swasta untuk mengemukakan cadangan pelaksanaan projek secara *public private partnership* (PPP). Kerajaan juga telah mengenalpasti pembida terbaik untuk pelaksanaan projek ini melalui proses RFP tersebut. Nama pembida yang berjaya akan diumumkan setelah perjanjian bagi pelaksanaan projek ini dimuktamadkan dan ditandatangani.

Berhubung langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memastikan projek ini berjaya dan diterima rakyat pula, Kerajaan akan memastikan supaya syarikat konsesi bagi pelaksanaan projek WTE ini disyaratkan untuk mematuhi kehendak undang-undang berhubung sistem kawalan dan pencegahan alam sekitar serta peraturan-peraturan semasa berhubung kesihatan dan keselamatan yang dikuatkuasakan

oleh Kerajaan. Selain itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) selaku Kementerian/agensi yang bertanggungjawab ke atas projek ini, dengan kerjasama syarikat konsesi, telah dan akan mengadakan beberapa siri *public engagement* termasuk *public viewing* dan *roadshow* dengan mensasarkan orang awam dan industri bagi memberikan penjelasan berhubung kepentingan pelaksanaan projek, kesan pelaksanaan projek kepada penduduk setempat serta kebaikan-kebaikan lain pelaksanaan projek ini kepada negara.

Sekian, terima kasih.

31 Julai 2017